

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**KAJIAN TERHADAP ISU-ISU PEMBANTERASAN PEMBALAKAN
HARAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF
PENGUATKUASAAN**

MUHAMMAD NUR HANIFF BIN MOHD NOOR

2020

Penyelia Utama : Profesor Madya Rokiah Kadir, Ph.D.
Penyelia Bersama : Profesor Madya Suriyani Muhamad, Ph.D.
**Fakulti : Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan
Pembangunan Sosial**

Kegiatan pembalakan haram dan kesalahan hutan menyebabkan impak negatif dalam pelbagai aspek antaranya kemusnahan alam sekitar dan kerugian kepada hasil pendapatan kerajaan. Meskipun Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) telah dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia sejak lebih 3 dekad lalu, kegiatan pembalakan haram telah berkurangan namun masih berterusan sementara kes kesalahan hutan mengalami pola menaik. Statistik menunjukkan sebanyak 35% daripada pengeluaran kayu di Malaysia adalah daripada sumber yang haram manakala 10% kayu balak haram di pasaran global berasal dari Malaysia. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan Akta 313 bagi membanteras kegiatan pembalakan haram dan kesalahan hutan, menganalisa modus operandi, motif dan peluang bagi kegiatan pembalakan haram, menerokai isu dan kekangan penguatkuasaan serta mengenalpasti dasar-dasar pencegahan dan pembanterasannya pembalakan haram. Soal selidik telah diedarkan kepada 241 responden dan 13 pegawai utama turut ditemu bual. Statistik deskriptif digunakan bagi menentukan item yang signifikan bagi setiap konstruk. Dapatan kajian menunjukkan undang-undang sedia ada yang diperuntukkan melalui Akta 313 adalah berkesan namun terdapat beberapa aspek yang boleh dipertimbangkan untuk penambahbaikan. Pendekatan jenayah terancang merupakan kaedah yang dilaksanakan oleh pembalakan haram. Motif kegiatan pembalakan haram pula dipengaruhi oleh faktor keuntungan sementara kebarangkalian pensabitan yang rendah membuka peluang kepada kegiatan tersebut.

Seterusnya, isu utama yang menjejaskan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan ialah kekurangan kakitangan dan kelengkapan. Dasar pencegahan dan pambanterasan termasuklah Perolehan Hijau Kerajaan yang lebih terperinci dan pemeriksaan secara teliti di pusat eksport. Penyelidikan ini merupakan kajian rintis yang pertama seumpamanya dan dapatan kajian ini boleh memberi pemahaman mengenai faktor-faktor yang mendorong kegiatan pembalakan haram dalam konteks Semenanjung Malaysia. Isu-isu yang menjejaskan aktiviti penguatkuasaan juga dapat dikenal pasti dan membolehkan pihak berkuasa memberi tumpuan kepada bidang keutamaan bagi mengatasi permasalahan tersebut. Kajian ini boleh memberi maklumat bagi merangka dasar pencegahan untuk mengawal pembalakan haram, membangkitkan kesedaran berkaitan program pembangunan kapasiti kepada agensi penguatkuasaan, dan seterusnya mendukung pengurusan sumber hutan secara lestari.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

A STUDY OF ISSUES RELATING TO SUPPRESSION OF ILLEGAL LOGGING IN PENINSULAR MALAYSIA FROM ENFORCEMENT PERSPECTIVE

MUHAMMAD NUR HANIFF BIN MOHD NOOR

2020

Main Supervisor : **Associate Professor Rokiah Kadir, Ph.D.**
Co-supervisor : **Associate Professor Suriyani Muhamad, Ph.D.**
Faculty : **Faculty of Business, Economics and Social Development**

Illegal logging activities and forest offences have caused negative impacts in several aspects including environmental degradation and loss of government revenue. Although the National Forestry Act 1984 (Act 313) was enforced in Peninsular Malaysia for more than 3 decades, illegal logging has declined but the activities continue whilst cases of forest offenses experience an upward trend. Statistics indicate that 35% of timber production in Malaysia was sourced from illegal harvesting while 10% of illegal timber in the global market originated from Malaysia. This research was carried out to study the effectiveness of Act 313 to curb illegal logging and forest offenses, to analyse the modus operandi, the motives and the opportunities of illegal logging, to explore issues and constraints of enforcement as well as to identify prevention and suppression policies. Questionnaires were distributed to 241 respondents and 13 key personnels were interviewed. Descriptive statistics were employed to determine the significant items for each of the construct. The findings showed that existing laws provided by Act 313 are effective but there are aspects which may be considered for improvement. Organized crime is the means practiced by illegal loggers. The motive of illegal logging is influenced by the profit factor while low probability of conviction opens up opportunities for such activities. Further, the main issue that hampers the effectiveness of enforcement activities is the lack of staff and equipment. Prevention and suppression policies include a more detailed Government Green Procurement and examination at export points. This research is the pioneer

study and the first of its kind that may contribute to a greater understanding about the factors that contribute towards illegal logging in the context of Peninsular Malaysia. Issues that affect enforcement activities can also be identified which would enable the authorities to prioritize key areas to overcome the problems. This study could provide information for formulation of preventive policy to curb illegal logging, raise awareness regarding capacity-building programs for enforcement agencies, as well as promote sustainable forest management.